






Sekolah Kebangsaan Mutiara
Kota Kinabalu, Lorong Aman 1,
Off Jalan Lintas,
88300 Kota Kinabalu, Sabah.




Kad MULDIV 1



Kad 1A Kad 1B Kad 1C



Kad 2A Kad 2B Kad 2C



Kad MULDIV 2

FUNGSI

Mencari nilai anu dalam pendaraban dan pembahagian serta mendarab dan membahagi nombor dalam lingkungan 100.

KEISTIMEWAAN

- ◆ Mudah dibuat sendiri.
- ◆ Murah tetapi menarik dari segi bentuk, saiz dan warna.
- ◆ Mudah dibawa dan tahan lama digunakan.
- ◆ Dapat mengatasi masalah kekeliruan penggunaan formula untuk mencari nilai anu dalam pendaraban dan pembahagian.
- ◆ Dapat mengatasi kesilapan semasa mendarab dan membahagi, di samping mengenal pasti konsep darab dan bahagi.

KEBERKESANAN KOS

KOS PERBELANJAAN BAGI SATU SET 'UNKNOWN MULDIV CARD'				
Bil	Bahan / Alat	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Harga (RM)
1	Kertas A4	3 keping	0.05	0.15
2	A4 Laminating Film	1/2 keping	0.50	0.25
3	Clear Folder A4 PVC Document Clear Holder	1 keping	0.60	0.60
4	HP Colour Ink (Komputer)	3 cetakan	0.20	0.60
Jumlah :				RM1.60

NOTIS PEMBERITAHUAN HAK CIPTA

Tuan/Puan
Sukacita dimaklumkan, maklumat bulanan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta tuan/puan telah direkodkan ke dalam Daftar Hak Cipta sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 26B, Akta Hak Cipta 1987. Bulanan Pemberitahuan Hak Cipta tersebut dirujukkan seperti berikut:
TARIKH PERMOHONAN : 27/05/2019
NO. PERMOHONAN : LY2019002707
NO. PEMBERITAHUAN : CR1Y00013552
TAJUK KARYA : 'UNKNOWN MULDIV CARD'-MENCARI NILAI ANU DALAM PENDARABAN DAN PEMBAHAGIAN

e-SEMINAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI DALAM PENDIDIKAN 2021 PERINGKAT KEBANGSAAN

'UNKNOWN MULDIV CARD'



ABSTRAK

'Unknown MULDIV Card' merupakan inovasi untuk membantu murid yang tidak menguasai formula untuk mencari nilai anu dalam pendaraban dan pembahagian serta mendarab dan membahagi nombor dalam lingkungan 100. Inovasi ini dihasilkan untuk meningkatkan kemahiran murid mencari nilai anu yang melibatkan pendaraban dan pembahagian dalam lingkungan 100 dengan mudah dan tepat. Seramai 10 orang murid pemulihan Tahun 5 telah dijadikan kumpulan sasaran dalam kajian ini untuk melihat sejauh mana keberkesanan 'Unknown MULDIV Card' dalam kemahiran ini. Tinjauan awal bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid ialah melalui pemerhatian, semakan buku latihan dan Ujian Pra. Hasil tinjauan menunjukkan murid melakukan kesilapan dalam penggunaan formula untuk mencari nilai anu dalam pendaraban dan pembahagian, di samping tidak dapat mendarab dan membahagi nombor dengan tepat. Setelah 3 fasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan, analisis keberkesanan intervensi telah dibuat dengan mengukur min skor perbandingan Ujian Pra dan Ujian Pos yang terdiri daripada 10 item yang mencari nilai anu yang melibatkan pendaraban dan pembahagian dalam lingkungan 100. Analisis data menunjukkan peningkatan penguasaan kemahiran murid menyelesaikan soalan sebanyak 49% di dalam Ujian Pos. Kajian ini telah menunjukkan bahawa keberkesanan 'Unknown MULDIV Card' yang berinovatif ini dapat membantu murid meningkatkan tahap penguasaan kemahiran dan minat serta motivasi mencari nilai anu yang melibatkan pendaraban dan pembahagian dalam lingkungan 100. 'Unknown MULDIV Card' ialah set bahan bantu belajar (BBB) yang mudah dibuat oleh guru, menarik, murah, mudah dibawa, tahan lama serta berkesan digunakan murid sama ada secara individu atau berkumpulan. 'Unknown MULDIV Card' terdiri daripada 8 komponen kecil yang mempunyai fungsi masing-masing.

PENYATAAN MASALAH

- ◆ Tidak mengenal pasti formula untuk mencari nilai anu dalam pendaraban.
- ◆ Tidak mengenal pasti formula untuk mencari nilai anu dalam pembahagian.
- ◆ Tidak dapat mendarab nombor dalam lingkungan 100 dengan betul.
- ◆ Tidak dapat membahagi nombor dalam lingkungan 100 dengan betul.

OBJEKTIF KAJIAN

Meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran mencari nilai anu yang melibatkan pendaraban dan pembahagian dalam lingkungan 100 dengan menggunakan 'Unknown MULDIV Card'.

KESIGNIFIKANAN

Dapat membantu murid meningkatkan tahap penguasaan kemahiran dan minat serta motivasi mencari nilai anu yang melibatkan pendaraban dan pembahagian dalam lingkungan 100.

CARA PENGGUNAAN

Fungsi bagi Kad MULDIV 1, Kad 1A, Kad 1B dan Kad 1C.

Nama Komponen	Fungsi
Kad MULDIV 1	Dijadikan sebagai kad utama. Digunakan untuk ditulis ayat matematik berdasarkan formula untuk mencari nilai anu dalam pendaraban yang dinyatakan pada Kad 1A / Kad 1B / Kad 1C. Ia juga digunakan untuk mendarab atau membahagi nombor semasa mencari nilai anu dalam pendaraban.
Kad 1A, Kad 1B & Kad 1C	Digunakan untuk mengenal pasti formula untuk mencari nilai anu dalam pendaraban.

<https://qrqo.page.link/pjmbc>

QR CODE VIDEO MENCARI NILAI ANU DALAM PENDARABAN



Fungsi bagi Kad MULDIV 2, Kad 2A, Kad 2B dan Kad 2C.


Nama Komponen	Fungsi
Kad MULDIV 2	Dijadikan sebagai kad utama. Digunakan untuk ditulis ayat matematik berdasarkan formula untuk mencari nilai anu dalam pembahagian yang dinyatakan pada Kad 2A / Kad 2B / Kad 2C. Ia juga digunakan untuk mendarab atau membahagi nombor semasa mencari nilai anu dalam pembahagian.
Kad 2A, Kad 2B & Kad 2C	Digunakan untuk mengenal pasti formula untuk mencari nilai anu dalam pembahagian.

<https://qrqo.page.link/ix5bt>


QR CODE VIDEO MENCARI NILAI ANU DALAM PEMBAHAGIAN



KECEKAPAN



Selepas intervensi dilaksanakan, murid dapat menjawab soalan tanpa menggunakan 'Unknown MULDIV Card', iaitu menggunakan kaedah sendiri untuk mendarab dan membahagi nombor.



(Markah penuh dalam ujian ini ialah 10 markah.)

Graf ini menunjukkan murid telah mencapai peningkatan markah sebanyak 49% dalam Ujian Pos berbanding dengan markah Ujian Pra.

KESIMPULAN

- Murid** Peningkatan penguasaan murid dalam kemahiran mencari nilai anu yang melibatkan pendaraban dan pembahagian dalam lingkungan 100 menggunakan 'Unknown MULDIV Card'.
- Murid** Peningkatan minat dan motivasi murid untuk mencari nilai anu yang melibatkan pendaraban dan pembahagian dalam lingkungan 100.
- Guru** Keyakinan dan motivasi guru menjadi seorang fasilitator yang berkesan semakin bertambah baik, iaitu membantu murid dalam pembelajaran dengan penggunaan BBB yang berkesan.
- Cadangan Kajian 2** Menghasilkan 'Unknown ADDMIN Card' dalam kemahiran mencari nilai anu dalam penambahan dan penolakan, di samping memurnikan lagi penggunaan 'Unknown MULDIV Card'.